

Mahu jadi PBT pertama capai tahap tersebut

MPSJ sasar taraf 5 bintang

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

kota@utusan.com.my

SUBANG JAYA 10 Jan. – Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mahu menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) bertaraf lima bintang pada tahun ini menerusi peningkatan kualiti dan produktiviti perkhidmatan mereka.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Adnan Md. Ihsan berkata, untuk mencapai sasaran itu, pihaknya perlu mencapai tahap minimum iaitu 90 peratus dalam Sistem Rating Bintang PBT yang dinilai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Katanya, pada masa kini, MPSJ berada pada tahap empat bintang dengan markah 84.4 peratus iaitu 0.1 peratus di belakang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan 84.5 peratus.

Beliau menambah, sehingga kini, masih belum ada lagi mana PBT yang menerima penarafan lima bintang dan beliau berharap MPSJ dapat mencapai tahap itu pada tahun ini.

“Ini bukan atas dasar bersaing tetapi untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

“Usaha yang kami lakukan untuk mencapai taraf lima bintang ini ialah dengan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti se-



ADNAN Md. Ihsan (dua dari kiri) bertukar-tukar dokumen memorandum persefahaman dengan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Profesor Dr. Tai Shzee Yew di Subang Jaya, baru-baru ini.

perti layanan kepada pelanggan.

“Selain itu, kelemahan aspek dalam juga akan diperbaiki kerana selain markah daripada tahap perhubungan dengan orang awam, kua-

liti perkhidmatan juga penting,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika di temui selepas perhimpunan bulanan MPSJ di Kompleks Sukan MPSJ di

sini, hari ini.

Sementara itu, Adnan berkata, MPSJ telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Putra Malaysia

(UPM) baru-baru ini bagi membentuk hubungan strategik antara kedua-dua belah pihak.

Menurutnya, MPSJ dan UPM akan mengadakan program perkongsian bestari yang melibatkan sembilan bidang utama iaitu khidmat komuniti, alam sekitar, kejuruteraan, bandar raya hijau, sumber maklumat, bandar selamat, pembangunan modal insan, perkhidmatan perbandaran dan pengindahan persekitaran.

“Perkara yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan pada masa terdekat adalah latihan industri pelajar UPM ke MPSJ, program pembangunan bioteknologi, perancangan pembangunan taman rekreasi di tasik bekas lombong, program penilaian pokok bandar dan sambutan Hari Hutan Sedunia.

“MPSJ berharap agar usaha ini akan menghasilkan impak yang positif dan memberi manfaat kepada semua pihak serta memastikan visi dan misi kami untuk mengekalkan kawasan ini sebagai sebuah perbandaran bestari, kota niaga dan ke diaman idaman akan tercapai,” jelasnya.

Tambahnya, kerjasama perkongsian bestari antara MPSJ dengan agensi kerajaan serta bukan kerajaan kerajaan sudah lama dijalankan, bahkan MPSJ sudah beberapa kali menjalinkan usahasama dengan UPM.